

**JOURNAL OF TOURISM,  
HOSPITALITY AND  
ENVIRONMENT MANAGEMENT  
(JTHEM)**  
[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



**PERBANDINGAN ELEMEN SUSTAINABLE DEVELOPMENT  
GOALS (SDG) DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-10 DAN  
KE-11**

*COMPARISON OF SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) ELEMENTS  
IN THE 10<sup>TH</sup> AND 11<sup>TH</sup> MALAYSIA PLANS*

Sahul Hamid Mohamed Maiddin<sup>1\*</sup>, Khairi Ariffin<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Email: sahul.hamid@fsk.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Email: khairi.ariffin@fsk.upsi..edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.07.2021

Revised date: 16.08.2021

Accepted date: 30.09.2021

Published date: 31.10.2021

**To cite this document:**

Maiddin, S. H. M., & Ariffin, K. (2021). Perbandingan Elemen Sustainable Development Goals (SDG) Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 Dan Ke-11. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 92-102.

**DOI:** 10.35631/JTHEM.625008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Pada 2015, semua anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menerima pakai Agenda PBB 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030) yang menetapkan 17 Matlamat Pembangunan Mampan untuk dicapai menjelang 2030. Malaysia turut mengalu-alukan dan menerimanya. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan perbandingan penerapan elemen SDG dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10, 2011-2015) dan Kesebelas (RMK-11, 2016-2020). Walaupun pelan RMK-10 dirancang sebelum pengenalan SDG secara rasmi, Malaysia sudahpun mengambil langkah menerapkan elemen yang diperkenalkan dalam SDG pada 2015 itu dan melaksanakan dengan jayanya. Artikel ini kemudian membincangkan pelan RMK-11 yang mengadaptasi secara rasmi elemen SDG tersebut. Walau bagaimanapun, RMK-11 agak terkesan pada penghujungnya kerana Malaysia dilanda wabak Covid-19 pada awal 2020. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada terbitan dan laporan rasmi kerajaan, artikel akhbar dalam talian, buku dan artikel jurnal. Kajian ini mendapat bahawa elemen SDG diterapkan lebih awal daripada pengisytiharan rasmi oleh PBB pada 2015, namun selepas 2015 ia disusun dengan lebih sistematik dalam pelan RMK-11.

**Kata Kunci:**

Rancangan Malaysia, SDG, MDG, Covid-19

**Abstract:**

In 2015, all members of the United Nations (UN) adopted the UN Agenda 2030 for Sustainable Development (Agenda 2030) which sets out 17 Sustainable Development Goals to be achieved by 2030. Malaysia also welcomes and accepts them. Accordingly, this article discusses the comparative application of SDG elements in the Tenth Malaysia Plan (RMK-10, 2011-2015) and Eleventh (RMK-11, 2016-2020). Although the RMK-10 plan was planned before the formal introduction of the SDGs, apparently Malaysia has already taken steps to implement the elements introduced in the SDGs in 2015 and implemented them successfully. This article then discusses the RMK-11 plan which formally adapts the SDG elements. However, the achievement of RMK-11 was quite affected in the later part as Malaysia was hit by the Covid-19 pandemic in early 2020. This article uses a qualitative method with reference to official government publications and reports, online newspaper articles, books, and journal articles. This study found that the SDG elements were implemented earlier than the official declaration by the UN in 2015, but after 2015 they were compiled more systematically in the RMK-11 plan.

**Keywords:**

Malaysia Plan, SDG, MDG, Covid-19

## Pengenalan

Apakah SDG? SDG merupakan singkatan bagi *Sustainable Development Goals*, iaitu Matlamat Pembangunan Mampan dalam bahasa Melayunya. SDG ini berfungsi sebagai rangka tindakan penting negara untuk merangka polisi bagi memastikan masa depan mampan untuk rakyat. Ini merangkumi semua cabaran pembangunan dunia moden termasuk ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Secara umumnya SDG mengandungi 15 perkara yang menjadi matlamat untuk direalisasikan dalam jangka masa tertentu. Ia adalah seperti berikut ([www.undp.org](http://www.undp.org), 2021):

1. Tiada kemiskinan
2. Kelaparan Sifar
3. Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan
4. Kualiti Pendidikan
5. Kesaksamaan Gender
6. Air Bersih dan Sanitasi
7. Tenaga Mampu Milik dan Bersih
8. Pekerjaan yang Sesuai dengan Pertumbuhan Ekonomi
9. Industri, Inovasi dan Infrastruktur
10. Mengurangkan Ketidaksamaan
11. Bandar dan Komuniti yang Mampan
12. Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab
13. Tindakan Iklim

14. Kehidupan di Bawah Air
15. Kehidupan di Darat
16. Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh
17. Kerjasama Demi Matlamat

Demikianlah 17 matlamat yang ingin digariskan oleh PBB secara rasminya bermula 2015. Walau bagaimanapun, bagi Malaysia, adakah usaha untuk memenuhi matlamat yang digariskan tersebut hanya dimulakan selepas tahun 2015? Inilah yang menjadi pokok persoalan yang ingin dirungkai dalam artikel ini. Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa secara ringkasnya merangkumi lima dimensi iaitu kemajuan masyarakat; penjagaan bumi; kemakmuran; keamanan; dan keselamatan. Perkara utama yang terangkum dalam dimensi itu ialah kemiskinan, kesihatan, pendidikan, perlindungan sosial, peluang pekerjaan, perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar ([www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my), 13 September 2020).

Bagi Malaysia, pelan Rancangan Malaysia adalah dokumen terpenting yang memandu pertumbuhan negara bagi tempoh setiap lima tahun. Ia menggariskan secara terperinci segala perancangan pembangunan negara dalam segenap aspek, jumlah perbelanjaan yang diunjurkan dan pencapaian yang dijangkakan dalam tempoh lima tahun. Untuk tujuan tersebut, artikel ini meneliti semula dokumen Rancangan Malaysia bagi mengkaji sama ada usaha seperti yang digariskan dalam SDG yang diperkenalkan oleh PBB tersebut sudah sedia diimplementasi oleh negara kita sebelum 2015 lagi. Dua dokumen terpenting yang dikaji adalah dokumen Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). RMK-10 dibangunkan pada tahun 2010 untuk diaplikasikan antara tahun 2011 hingga 2015; manakala RMK-11 pula dibangunkan pada 2015 untuk diaplikasikan antara tahun 2016 hingga 2020.

Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 – 2020 (RMK-11) telah meneruskan sasaran untuk mencapai pembangunan mampan berdasarkan tiga matlamat utama iaitu mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi, mempromosi keterangkuman dan memastikan kemampunan. Sejajar dengan Agenda 2030, semua SDG telah diselaraskan dengan inisiatif dalam RMK-11 untuk memastikan penajaran antara objektif nasional dengan SDG serta peruntukan sumber mencukupi dan pemantauan yang bersesuaian.

Pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) pada Oktober 2019 mencerminkan komitmen Malaysia dalam melaksanakan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030). WKB2030 adalah komitmen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mencapai pertumbuhan yang mampan dengan pengagihan yang adil dan saksama antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Matlamat utama WKB2030 adalah menyediakan taraf hidup yang baik untuk semua warganegara menjelang 2030. Ia seiring dengan semua matlamat yang digariskan dalam SDG. Bagi Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) diberikan tanggungjawab sebagai *Focal Point* dalam pembangunan SDG. Ketersediaan indikator SDG adalah penting bagi mengukur pencapaian SDG dalam mencapai SDG2030 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersesuaian dengan cara penulisan sejarah ataupun historiografi. Ia menekankan kepada penggunaan dokumen sebagai bahan bukti utama bagi pengkajian dan penulisan. Kajian ini menggunakan pendekatan analitikal dengan membandingkan dokumen yang diterbitkan dalam tempoh masa yang dibincangkan tersebut. Kebanyakan sumber bagi penulisan ini diperolehi daripada laman web rasmi kerajaan, portal perpustakaan, portal Arkib Negara Malaysia dan jurnal-jurnal bercetak. Sumber primer merupakan dokumen Rancangan Malaysia ke-10 dan Rancangan Malaysia ke-11 yang diperolehi daripada portal Jabatan Perdana Menteri. Sumber primer lain berupa laporan rasmi dan terbitan kerajaan turut diperolehi daripada portal rasmi kerajaan. Sumber sekunder pula meliputi buku dan artikel jurnal, serta rujukan laman web. Dalam penulisan sejarah, sumber merupakan elemen terpenting yang memandu penulisan. Tanpa sumber yang autentik, sesuatu penulisan tidak dapat dipertanggungjawabkan dan tidak dapat dipertahankan kewibawaannya.

## Perbincangan

### *Latar belakang Sejarah*

Pembangunan mampan dan inklusif telah menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan Malaysia sejak 1970-an. Kerajaan Malaysia sentiasa memberi penekanan terhadap pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, pelbagai inisiatif juga dilaksanakan bagi membasi kemiskinan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, menyediakan akses kesihatan dan pendidikan universal serta melindungi alam sekitar. Dari segi sejarah, elemen SDG dapat dikesan paling awal diterapkan adalah melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada 1970. Melalui DEB kemudian dilancarkan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) sehingga Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Ini kerana DEB meliputi tempoh dua puluh tahun, antara 1970 hingga 1990.

DEB pada awalnya turut menekankan elemen pembangunan mampan dengan merangkumi pertumbuhan pembangunan mampan iaitu pertumbuhan yang menyasarkan kesaksamaan kepada semua segmen masyarakat; pembangunan yang seimbang, iaitu capaian terhadap prasarana asas dan utiliti, serta pencapaian kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan; dan mengarusperdanakan pemeliharaan alam sekitar. Kemampuan alam sekitar turut mendapat perhatian dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Ia menyaksikan pendekatan pembangunan mampan diprogramkan secara lebih serius dengan menjadikannya sebagai agenda pembangunan nasional (Mohd Idham Mohd Yusuf dan Mariani Ariffin, 2020).

Akta Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Act – EQA) diperkenalkan buat kali pertama pada 1974 bagi menghalang, meminimumkan dan memperkenalkan peraturan tahap pencemaran. Seterusnya penekanan terhadap alam sekitar turut ditonjolkan dalam rancangan Malaysia yang berikutnya. Semakin lama semakin elemen SDG mendapat perhatian secara tidak langsung meskipun ia tidak disusun secara sistematik seperti yang disyaratkan dalam SDG.

### *Matlamat Pembangunan Milenium (MDG)*

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), sebelum pengumuman PBB pada tahun 2015 lagi, Malaysia secara konsisten telah mengambil kira aspek ekonomi, sosial dan alam

sekitar dalam rancangan pembangunan negara. Ini sudah menjadi amalan kita sejak merdeka pada 1957. Kemampanan dan inklusiviti menjadi perkara utama dalam pembangunan Malaysia. Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) sudah diperkenalkan dari tahun 2000 hingga 2015 oleh PBB dan diterima pakai oleh 192 negara yang bernaung di bawahnya. Ia memfokuskan kepada pengurangan miskin tegar dan komitmen untuk mencapai beberapa sasaran lain berdasarkan tempoh yang ditetapkan (Berita Harian, 13 September 2020). Pelaksanaan SDG merupakan kesinambungan daripada MDG yang berakhir pada 2015. Sepertimana SDG, MDG juga menggariskan sasarannya tetapi jauh lebih rendah daripada 17 matlamat SDG. Dalam MDG hanya ada lapan sasaran. Ia adalah seperti berikut ([www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)):

1. Membasmi kemiskinan dan kelaparan: Iaitu mengurangkan separuh perkadaruan penduduk yang berpendapatan US\$1 sehari. Matlamat ini sudah tercapai.
2. Mencapai pendidikan rendah yang universal: Iaitu memastikan menjelang tahun 2015, kanak-kanak tanpa mengira jantina boleh menamatkan pengajian sekolah rendah sepenuhnya. Matlamat ini dalam pelaksanaan.
3. Meningkatkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita: Iaitu menghapuskan jurang perbezaan gender dalam pendidikan rendah dan menengah di semua peringkat pendidikan menjelang 2015. Matlamat ini dalam pelaksanaan.
4. Mengurangkan mortaliti kanak-kanak: Iaitu mengurangkan sebanyak dua pertiga kadar kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun. Matlamat ini sudah tercapai.
5. Memperbaiki kesihatan ibu bersalin: Iaitu menurunkan dua pertiga nisbah kematian ibu bersalin. Matlamat ini dalam pelaksanaan.
6. Mencegah HIV/AIDS, Malaria dan lain-lain penyakit: Iaitu menghentikan dan seterusnya membasmi kejadian malaria dan lain-lain penyakit utama menjelang tahun 2015. Matlamat ini dalam pelaksanaan.
7. Memastikan alam sekitar yang mapan: Iaitu menyatupadukan prinsip pembangunan mapan dalam dasar dan program negara serta menebus semula kehilangan sumber alam sekitar. Matlamat ini dalam pelaksanaan.
8. Mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan. Iaitu bekerjasama dengan pihak swasta, menyediakan kemudahan teknologi baharu terutamanya berkaitan dengan komunikasi dan maklumat. Matlamat ini dalam pelaksanaan.

Menurut Malaysia Millennium Development Goals Report 2015, pertumbuhan dan pencapaian Malaysia sememangnya didasari oleh perancangan yang dibuat melalui Rancangan Malaysia yang bersifat holistik dan inklusif. Malaysia turut diiktiraf berada di atas landasan yang betul dalam kerangka merealisasikan matlamat SDG selepas berakhirnya MDG pada 2015 (Malaysia Millennium Development Goals Report, 2015).

### **Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10)**

RMK-10 ini adalah pelan pembangunan bagi tempoh lima tahun bermula 2011 hingga 2015. Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam iaitu Datuk Seri Najib Razak pada penghujung 2010. RMK-10 merupakan rentetan kejayaan perancangan pembangunan Malaysia yang dilaksanakan oleh pemimpin terdahulu. Dilaporkan bahawa dalam RMK-9 sebelumnya, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.2 peratus setahun dan pendapatan per kapita mencecah RM26,420 pada 2010 (Hansard Dewan Rakyat, 10 Jun 2010). Pada masa yang sama, program pembasmian kemiskinan turut menunjukkan pekembangan yang membanggakan, daripada 5.7 peratus pada 2009 kepada 3.8 peratus pada 2009. Peratusan

miskin tegar pula menurun daripada 1.2 peratus kepada 0.7 peratus dalam tempoh yang sama (*Ibid*).

Berlandaskan kejayaan dalam rancangan Malaysia sebelumnya, kerajaan merangka RMK-10 yang lebih inklusif dan menerapkan elemen SDG secara implisit. Ternyata sebelum ini pun elemen SDG sudah diterapkan cuma ia diimplementasi tanpa pernyataan dan keterikatan kepada sebarang rancangan antarabangsa, bahkan tidak juga dinyatakan sebagai sebahagian daripada MDG.

Dalam ucapan beliau di Dewan Rakyat, Datuk Seri Najib Razak mengatakan bahawa RMK-10 digagaskan daripada 10 idea besar meliputi matlamat berikut (*ibid*):

1. Memacu ekonomi domestik dengan kepekaan persekitaran luar negara.
2. Memanfaatkan dan menuas faktor kepelbagaian etnik sebagai satu elemen kejayaan di arena antarabangsa.
3. Mentransformasi negara ke arah pendapatan tinggi menerusi pengkhususan.
4. Menjayakan pertumbuhan dipacu oleh produktiviti dan inovasi.
5. Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan unggul.
6. Memastikan peluang yang saksama dan melindungi golongan yang mudah terjejas.
7. Pertumbuhan bertumpu dan pembangunan inklusif.
8. Menyokong perkongsian pintar yang efektif.
9. Menghargai khazanah alam sekitar.
10. Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

Ternyata 10 gagasan yang diucapkan tersebut turut merangkumi elemen SDG yang digariskan oleh PBB. Elemen 1, 2, 3, 8, 9, 10 dan 16 dalam SDG boleh dihubungkan secara jelas dengan 10 gagasan yang dinyatakan di atas. Bagi elemen 9 misalnya ia dinyatakan secara eksplisit oleh Perdana Menteri, “Tumpuan akan diberikan kepada program pembangunan kemahiran dan juga aktiviti R&D dan modal teroka, ke arah memupuk tahap inovasi negara yang lebih memberangsangkan.” Elemen 10, ‘Mengurangkan Ketidaksamaan’ dapat dilihat dalam penjelasan Teras Strategik Ketiga RMK-10 di bawah tema ‘Meneruskan Dasar Keadilan Sosial.’ Penekanan oleh Perdana Menteri memaparkan kesungguhan pihak kerajaan dalam menyediakan polisi yang bersifat menyeluruh, walaupun pelaksanaanya masih boleh dipertikaikan kecekapannya. Kata Perdana Menteri lagi, “Fokus khusus akan diberi kepada golongan terpinggir yang tinggal di kawasan pedalaman...serta Orang Asli dan pekerja estet di Semenanjung Malaysia. Masih terdapat mereka yang hidup tanpa bekalan air dan elektrik.” (*Hansard Dewan Rakyat*, 2010).


Di bawah Teras Strategik Keempat, kerajaan menetapkan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan negara yang sejajar dengan elemen keempat dalam SDG. Teras tersebut adalah ‘Membangun dan Mengkalkan Modal Insan Bertaraf Dunia.’ Dalam teras ini, tumpuan utama adalah terhadap sistem pendidikan dan pelajar sebagai modal insan. Jaminan terhadap pendidikan yang menyeluruh disediakan dengan menambahbaik sistem pendidikan yang sedia ada dan memperkenalkan skim baharu seperti perkongsian modal antara pihak awam dan swasta. Selain itu, tempoh ini juga menyaksikan kebangkitan aliran pendidikan teknikal dan vokasional bagi merealisasikan potensi pelajar yang bertumpu kepada kemahiran dan kerja tangan.

Dalam bidang pendidikan, sebagai alat terpenting pembinaan modal insan, kerajaan memperkenalkan pula program ‘Teach for Malaysia’ melalui RMK-10 ini. Ia diinspirasikan melalui program “Teach for All”, satu rangkaian sosial antarabangsa beroperasi di banyak negara dunia bagi merekrut penuntut universiti daripada universiti terbaik dan pemimpin muda daripada pelbagai disiplin pengajian. Mereka ini akan ditugaskan mengajar di kawasan yang mengalami kekurangan guru selama dua tahun. Keadaan sosioekonomi kawasan yang ditugaskan tersebut tidak akan menjadi penghalang kepada anak-anak di kawasan tersebut bagi mendapatkan akses kepada pendidikan. Demikianlah matlamatnya. ‘Teach for America’ sahaja sudah berjaya meliputi lebih 20,000 individu di Amerika Syarikat. Dalam kes Malaysia, para peserta yang terlibat akan ditempatkan di sekolah berprestasi rendah yang memerlukan motivasi dan inspirasi yang lebih (Tenth Malaysia Plan, 2010).

Satu lagi kejayaan dalam RMK-10 ini adalah program ‘Trust School’ ataupun ‘Sekolah Amanah’. Ia adalah kerjasama antara pihak swasta dan pihak awam di bawah payung Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerajaan membentarkan Sekolah Amanah untuk memiliki autonomi yang lebih luas berbanding sekolah biasa. Kewangannya pula dijana oleh pihak swasta yang terlibat serta sekolah tersebut juga mempunyai kebebasan dalam menentukan kurikulumnya sendiri. Pada 2010, Yayasan Amir dan Kementerian Pendidikan Malaysia pertama kali melancarkan model tersebut sebagai projek percubaan namun dinilai sebagai ‘belum cukup kemas’ dalam pengendaliannya (Arran Hamilton, 2014). Menjelang 2021, laporan akhbar menunjukkan model pendidikan ini masih bertahan tetapi tidak meluas pelaksanaannya ([www.thestar.com.my](http://www.thestar.com.my), 31 Mac 2021).

Elemen kelima SDG iaitu ‘Kesaksamaan Gender’ turut mendapat perhatian khusus dalam RMK-10 yang dilancarkan pada 2010 tersebut. Elemen ini menyasarkan kesaksamaan gender dan menguatkan peranan wanita. Kesaksamaan ini merujuk kepada penglibatan lebih luas kaum wanita dalam industri pekerjaan dan ekonomi, misalnya. Berdasarkan laporan Unit Perancang Ekonomi dan juga International Labour Organisation, penglibatan wanita Malaysia adalah lebih rendah berbanding di negara Thailand (70%); Singapura (60.2%); dan Indonesia (51.8%). Walau bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan dalam carta 1 di bawah, wanita Malaysia mendapat pendidikan yang lebih baik daripada kaum lelaki secara umumnya. Fakta ini sedikit sebanyak dapat meredakan keadaan jika terdapat dakwaan bahawa wanita Malaysia didiskriminasi oleh kerajaan atau sistem yang bersifat patriarki.

**Carta 1: Perbandingan Pendidikan Wanita dan Penglibatan Wanita dalam Sektor Buruh, 2008**



Sumber: Tenth Malaysia Plan (2011-2015), 2010.

Secara umumnya, RMK-10 mengandungi banyak elemen SDG yang disusun dengan lebih kemas berbanding dengan Rancangan Malaysia yang sebelumnya. Terdapat banyak elemen SDG yang dapat dikesan berkemungkinan bertepatan dengan elemen MDG yang dicadangkan pada tempoh tersebut. Namun, pada peringkat ini ia masih belum memadai untuk diklasifikasikan sebagai sebuah dokumen yang menepati kehendak SDG kerana tidak tersusun kemas dan inklusif sebagaimana yang digariskan dalam 17 elemen SDG oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 2015.

### **Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)**

RMK-11 dilancarkan pada 2015, meliputi tahun antara 2016 hingga 2020. Perancangan dan pelancarannya masih dilaksanakan di bawah Perdana Menteri yang sama ketika RMK-10 iaitu Datuk Seri Najib Razak. Sehubungan itu, rancangan ini merupakan kesinambungan idea yang lepas dan penghubung kepada masa hadapan oleh seorang Perdana Menteri yang sama. RMK-11 merupakan RMK pertama yang mengandungi elemen SDG secara sistematik dan disusun secara eksplisit. Ia juga seiring dengan Dasar Transformasi Nasional yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri dengan kriteria “untuk mencapai pertumbuhan yang bersifat inklusif, *sustainable, growth with equity*, kompetitif, progresif, rakyat yang bersahsiah dan *morally strong...*” (Hansard Dewan Rakyat, 21 Mei 2015).

Dalam ucapan beliau di Dewan Rakyat pada 21 Mei 2015, Perdana Menteri membentangkan beberapa siri kejayaan rentetan daripada RMK-10 yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun sebelumnya. Antaranya, pada 2014 nilai KDNK adalah sebanyak RM 1.1 trilion ringgit. Selain

itu 95.1 peratus daripada penduduk Malaysia sudah mempunyai akses kepada bekalan air bersih dan 97.6 peratus mendapat bekalan elektrik (Hansard Dewan Rakyat, 21 Mei 2015). Walau bagaimanapun, ia masih boleh dipertikaikan secara ilmiah kerana setelah hampir 60 tahun negara merdeka sepatutnya akses kepada bekalan air dan elektrik sepatutnya sudah 100 peratus, bukan lagi lompong seperti yang dinyatakan tersebut.

RMK-11 menggariskan enam tunjang penting dalam perancangan lima tahun tersebut. Enam teras tersebut ialah (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2015):

1. **Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.** Komitmen ini membolehkan hasil pembangunan dikongsi bersama dalam kalangan rakyat tanpa mengira gender, etnik, tahap sosioekonomi dan lokasi.
2. **Meningkatkan kesejahteraan rakyat.** Ini merupakan komitmen untuk melaksanakan pendekatan pembangunan yang seimbang dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.
3. **Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju.** Pasaran buruh yang cekap dan berkesan perlu untuk menarik pelaburan bagi membolehkan rakyat mengambil dalam aktiviti ekonomi dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.
4. **Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampunan dan daya tahan.** Komitmen untuk meneruskan pembangunan yang lebih mampan dengan beralih daripada trajektori pembangunan konvensional “grow first, clean-up later” yang berkos tinggi kepada pertumbuhan hijau bermula pada peringkat perancangan dan seterusnya peringkat pelaksanaan dan penilaian.
5. **Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.** Integrasi pelbagai mod pengangkutan yang lebih baik akan memudahkan pergerakan orang dan barang dengan lebih lancar.
6. **Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran.** Ekonomi yang kukuh dan mempunyai sumber pertumbuhan yang pelbagai serta mengeluarkan barang dan perkhidmatan bernilai tinggi akan menjana pekerjaan bergaji tinggi selaras dengan ciri-ciri sebuah negara maju.

Enam teras tersebut memperlihatkan unjuran pembangunan yang lebih mampan berbanding sebelumnya. Kesaksamaan, kesejahteraan, modal insan, pertumbuhan hijau, infrastruktur dan kemakmuran merupakan istilah-istilah yang bertepatan dan meliputi kehendak 17 elemen pembangunan mampan, SDG. Ia adalah terjemahan daripada tema utama dalam penggubalan RMK-11 iaitu “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat.” Sebagaimana SDG yang menekankan kepada faktor manusia sebagai unsur terpenting pembangunan dan pertumbuhan dunia, RMK-11 juga dirancang seumpamanya.

Setelah dilancarkan, RMK-11 menjalani proses penilaian semula sama ada ia bertepatan dengan elemen SDG supaya pembangunan negara sentiasa menitikberatkan faktor manusia sebagai tunjang bagi pertumbuhan dunia. Sehubungan itu, sebuah laporan dikeluarkan pada pertengahan 2018, iaitu titik tengah antara 2016 dan 2020 bagi melihat keberkesanannya. Setiap elemen SDG ditandakan dalam mengukur hasil perancangan dan pelaksanaan RMK-11. Laporan bertajuk ‘The Initial Assessment of the Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia 2018’ dihasilkan oleh Jabatan Statistik Malaysia dengan terperinci dan menyeluruh (*The Initial Assessment of the Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia 2018*,

2018). Ia merupakan dokumen pertama yang mengkaji dan menilai implementasi elemen SDG dalam pelaksanaan rancangan Malaysia sejak 1966. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Uzir Mahidin, yang bertanggungjawab menyediakan laporan SDG tersebut, "Indikator SDG amat mustahak untuk bantu dalam pemantauan ke arah proses perancangan, pengagihan sumber berkesan, dan kebertanggungjawaban pihak berkepentingan" ([www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 10 Disember 2020).

Terdapat juga analisis lain oleh pemain industri yang menunjukkan bahawa terdapat sedikit kelemahan dalam mencapai maksud SDG sehingga 2018 di Malaysia disebabkan perkembangan dunia. Namun ia tidaklah sehingga menggelincirkan Malaysia daripada landasan SDG (New Straits Times, 23 Julai 2018).

Pelaksanaan RMK-11, yang dijadualkan berakhir pada 2020, walau bagaimanapun agak terencat dengan perkembangan global yang diserang pandemik Covid-19 sejak penghujung 2019. Di Malaysia, virus Covid-19 mula menyerang bermula Februari 2020. Sejak itu ia menghambat pertumbuhan ekonomi dan aktiviti sosial rakyat Malaysia secara menyeluruh. Justeru, terdapat halangan dalam pelaksanaan dan pencapaian RMK-11 secara berkesan kerana faktor manusia, iaitu elemen terpenting SDG, terkesan secara langsung dengan pandemik Covid-19 tersebut.

Pada penghujung 2020, kerajaan melalui Kementerian Kewangan mengeluarkan satu laporan bertajuk 'Tinjauan Ekonomi' menjelaskan keadaan ekonomi semasa serta kedudukan pelaksanaan RMK-11 yang berada di penghujungnya. Laporan ini juga adalah rentetan daripada pandemik yang melanda Malaysia. Kegawatan ekonomi dan kesihatan menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja besar bagi memulihkan Malaysia secara total. Pelbagai pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan seperti Prihatin PKS+, Penjana dan Kita Prihatin. Yang menariknya adalah, setiap tindakan dan perancangan kerajaan mengambil kira elemen SDG sebagai rujukan dan panduannya. Laporan tersebut juga menyatakan, "Memandangkan SDG telah disesuaikan sepenuhnya dengan inisiatif dan sasaran yang ditetapkan di bawah RMK-11, perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan mengikut keperluan untuk menyokong objektif nasional dan SDG" (Tinjauan Ekonomi, 2020).

Rektor Universiti Islam Antarabangsa, Prof. Tan Sri Dr. Dzulkifli Razak menulis bahawa kesihatan mampan adalah tindakan yang diperlukan bagi memulihkan negara yang dilanda pandemik Covid-19 ini. Perancangan pembangunan yang tergendala akibat pandemik tersebut perlu dipulihkan melalui pendekatan elemen SDG. SDG 6, iaitu sumber air bersih dan sanitasi perlu diberi keutamaan bagi mencapai SDG 3 iaitu kesihatan yang baik dan kesejahteraan ([www.nst.com.my](http://www.nst.com.my), 14 April 2020). Pelbagai badan antarabangsa lain serta para pakar pembangunan ekonomi turut menekankan praktis SDG bagi memulihkan kesan daripada pandemik yang melanda seluruh dunia tersebut ([www.straitstimes.com](http://www.straitstimes.com), 2 Jun 2021).

## Rumusan

RMK-10 dan RMK-11 mempunyai satu persamaan yang ketara iaitu ia dihasilkan di bawah Perdana Menteri yang sama iaitu Datuk Seri Najib Razak. Beliau merupakan Perdana Menteri pertama yang dipertanggungjawabkan bagi menghasilkan rancangan pembangunan Malaysia RMK yang terkandung di dalamnya elemen SDG yang lebih sistematis dan inklusif berbanding

sepuluh rancangan yang sebelumnya. Penilaian terhadap RMK-11 mengambil kira elemen SDG sebagai kayu ukur kejayaan pelaksanaannya. Pelbagai agensi kerajaan memain peranan dalam menilai keberkesanan SDG di Malaysia. Walau bagaimanapun, seperti yang dibincangkan di atas, pandemik Covid-19 merencatkan kejayaan total RMK-11 dan pada masa yang sama menggandalakan pelaksanaan SDG. Pandemik tersebut menggempur dan memusnahkah teras utama yang diperjuangkan oleh SDG iaitu faktor manusia. Namun, penganalisis dan pakar berpendapat, pada masa yang sama, bahawa kebangkitan semula negara dan masyarakat perlu kembali kepada SDG sebagai rujukan dan panduannya. Faktor manusia harus diperkuuh dan dibangunkan semula bagi menjamin matlamat pembangunan mampan pada tempoh yang berikutnya.

## Rujukan

- Arran Hamilton. (2014). Policy IDEAS No. 11, The Malaysian Trust School Model: It's good but is it sustainable?. Kuala Lumpur: IDEAS.
- Hansard Dewan Rakyat, 10 Jun 2010.
- Hansard Dewan Rakyat, 21 Mei 2015.
- Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia 2019. (2020) Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia Millennium Development Goals Report. (2015). Kuala Lumpur: United Nations Malaysia.
- Mohd Idham Mohd Yusuf dan Mariani Ariffin. (2020). A Journey Towards Sustainability: A Review on Sustainable Development Implementation in Malaysia. *IOP Conf. Ser. Earth Environ. Sci.* 494.
- New Straits Times, 23 Julai 2018.
- Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020. (2015). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Tenth Malaysia Plan, 2011-2015. (2010). Putrajaya: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- The Initial Assessment of the Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia 2018. (2020). Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- Tinjauan Ekonomi. (2020). Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my), 13 September 2020
- [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)
- [www.nst.com.my](http://www.nst.com.my), 14 April 2020
- [www.straitstimes.com](http://www.straitstimes.com), 2 Jun 2021
- [www.undp.org](http://www.undp.org), 2021
- [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 10 Disember 2020